



MOF.TAX(S)700-2/1/11 ( 5 )

23 Disember 2020

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**KAJIAN SEMULA SYARAT PENYERTAAN BUMIPUTERA BAGI LESEN  
EJEN PENGHANTARAN KASTAM**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/tuan/puan, surat Kementerian Kewangan rujukan 0.3865/313 (SJ.1) JLD.2 (SK.2) (4) bertarikh 30 September 2016 antara lain telah memberikan pengecualian syarat penyertaan Bumiputera kepada syarikat-syarikat ejen penghantaran kastam yang telah mempunyai lesen sebelum tahun 1976 dan syarikat-syarikat tempatan berstatus *International Integrated Logistics Services* (IILS) bagi tempoh sehingga 31 Disember 2020.

3. Mengambil kira kedudukan ekonomi semasa dan juga ulasan kementerian/agensi berhubung perkara ini, dimaklumkan bahawa YB Menteri Kewangan telah bersetuju supaya:

- a) pelanjutan tempoh diberikan sehingga 31 Disember 2021 kepada syarikat-syarikat ejen penghantaran kastam tempatan untuk mematuhi syarat penyertaan Bumiputera yang telah ditetapkan;
- b) bagi syarikat-syarikat ejen penghantaran kastam yang tidak dapat memenuhi syarat Bumiputera selepas 31 Disember 2021, lesen ejen penghantaran kastam akan dibatalkan. Sekiranya syarikat ingin membuat rayuan berhubung lanjutan tempoh tersebut, rayuan boleh dikemukakan kepada Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan untuk pertimbangan berdasarkan *case-by-case*;
- c) pengecualian syarat Bumiputera hanya diberikan kepada syarikat ejen penghantaran kastam bertaraf IILS yang mempunyai majoriti pemilikan asing dan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia.

4. Dikemukakan untuk makluman dan perhatian pihak YBhg. Datc' /  
tuan/puan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MA. SIVANESAN)**  
Setiausaha Bahagian Cukai  
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

**EDARAN DALAMAN**

SBPK

KS(G)

**EDARAN LUAR**

Ketua Pengarah  
Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri  
Bahagian Pembangunan ~~EKUMI~~  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62502 PUTRAJAYA**

Faks: 03-8888 3755

Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
Aras 28, Menara MITI, No. 7  
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah  
**50480 KUALA LUMPUR**

Faks: 03-62110536

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengangkutan  
Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat  
No.26 Jalan Tun Hussein Presint 4  
**62100 PUTRAJAYA**

Faks: 03-8888 0158

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi  
Bahagian Pemantauan dan Pemerkasaan Usahawan  
Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62668 PUTRAJAYA**

Faks:03-8889 3172

Ketua Pengarah Kastam  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Bahagian Perkastaman  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No.3 Persiaran Perdana Presint 2  
**62596 PUTRAJAYA**

Faks:03-8889 5901

Pengerusi  
Malaysian Investment Development Authority (MIDA)  
MIDA Sentral  
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
**50470 KUALA LUMPUR**

Faks: 03-2274 7970

Ketua Pegawai Eksekutif  
Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)  
Aras 5. Menara Surian  
No 1, Jalan PJU 7/3  
Mutiara Damansara  
**47810 PETALING JAYA**

Faks: 03-7839 8100